

GREAT EASTERN GENERAL INSURANCE (M) BERHAD (102249-P)

Level 18, Menara Great Eastern,
303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel (603) 4259 8900 Fax (603) 4813 0088
Customer Service Careline : 1300-1300 88
Website : www.greateasterngeneral.com.my



PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE / NOTIS PERLINDUNGAN DATAPERDIBADI

By accepting this declaration, you are providing personal information to Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad ('the Company').

Dengan deklarasi ini, anda memberi maklumat peribadi kepada Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad ('Syarikat').

The Company will be processing your personal information provided in this form and/or further information and data that may be required by the Company either from you or from any third parties.

Syarikat akan memproses maklumat peribadi anda yang dinyatakan dalam borang ini dan/atau maklumat serta data selanjutnya yang mungkin diperlukan Syarikat sama ada daripada anda atau mana-mana pihak ketiga.

Your personal information may be used, recorded, stored, disclosed or otherwise processed by or on behalf of the Company (and its successors in title) for the following purposes:

Maklumat peribadi anda mungkin digunakan, direkodkan, disimpan, didedahkan atau diproses oleh Syarikat atau bagi pihak Syarikat (dan penggantinya) bagi tujuan berikut:

(a) to carry on insurance business

untuk menjalankan perniagaan insurans;

(b) any insurance or financial related product or service or any alterations, variations, cancellation or renewal of such product or service by the Company and other companies within the Company's group of companies (for information, log on to www.greateasterngeneral.com);

untuk insurans ini atau insurans lain atau insurans selanjutnya atau produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang pindaan, variasi, pembatalan atau pembaharuan sebarang produk atau perkhidmatan sedemikian oleh Syarikat dan syarikat lain dalam kumpulan Syarikat (untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterngeneral.com);

(c) research and audit including but not limited to historical and statistical purposes;

untuk tujuan penyelidikan dan audit termasuk dan tidak terhad kepada tujuan sejarah dan statistik;

(d) any claim or investigation or analysis of such claim;

sebarang tuntutan atau penyiasatan atau analisis untuk tuntutan tersebut;

(e) to ascertain your claims history in order to improve claims processing and prevent fraudulent claims;

memastikan sejarah tuntutan anda untuk memperbaiki proses tuntutan dan mengelakkan tuntutan palsu;

(f) to exercise any right of subrogation;

menjalankan sebarang hak subrogasi;

(g) to match any data held by the Company relating to you from time to time;

memadankan sebarang data berkaitan anda yang dipegang oleh Syarikat dari semasa ke semasa;

(h) direct marketing and general marketing;

pemasaran langsung dan pemasaran am;

(i) managing and servicing the Company's relationship with you and to provide you with improved customer service; and

menguruskan dan memberi perkhidmatan atas hubungan Syarikat dengan anda di samping memberi perkhidmatan pelanggan yang dipertingkatkan; dan

(j) if required by law or in good faith, if such action is necessary (i) to comply with any law enforcement, court orders or legal process, and/or (ii) to protect and defend the rights or property of the Company and the Company's group of companies and their users (for information, log on to www.greateasterngeneral.com).

jika diperlukan dari segi undang-undang atau atas niat baik, sekiranya tindakan tersebut diperlukan (i) untuk mematuhi sebarang penguatkuasaan undang-undang, arahan mahkamah atau proses undang-undang, dan/atau (ii) untuk melindungi serta mempertahankan hak atau harta syarikat serta kumpulan Syarikat dan penggunaanya (untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterngeneral.com).

By submitting this application, you consent and authorize the Company to obtain and verify any information about you from you or from any third parties which the Company may require in connection with your application for any of the Company's insurance products or services. Such consent and authorization herein shall extend to any information obtained from any of the insurance policy(ies) presently provided to you, any new application to the Company for insurance, such historical financial or credit records, data or information whether or not provided personally.

Dengan menghantar permohonan ini, anda bersetuju dan memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan dan mengesahkan sebarang maklumat berkenaan anda daripada anda atau mana-mana pihak ketiga yang mungkin diperlukan Syarikat berhubung dengan permohonan anda untuk sebarang produk atau perkhidmatan insurans yang disediakan Syarikat. Persetujuan dan kebenaran tersebut akan merangkumi sebarang maklumat yang diperolehi daripada mana-mana polisi insurans yang diberikan kepada anda apa-apa permohonan baru untuk Syarikat bagi insurans, apa-apa rekod kewangan atau sejarah, data atau maklumat sama ada disediakan secara peribadi ataupun tidak.

The information that you have provided to the Company is necessary. If you do not provide the Company with such information, the Company may not be able to provide you with insurance or to respond to any claim.

Maklumat yang anda beri kepada Syarikat adalah perlu. Jika anda tidak menyediakan maklumat tersebut kepada Syarikat, Syarikat mungkin tidak dapat memberi perlindungan insurans atau memberi maklum balas ke atas sebarang tuntutan.

The Company may disclose and/or provide your personal information to the following parties for the purposes stated above:

Syarikat mungkin mendedahkan dan/atau memberi maklumat peribadi anda kepada pihak berikut bagi tujuan yang dinyatakan di atas:

(a) the Company's authorised representatives;

wakil yang dibenarkan Syarikat;

(b) the policyholder and/or its brokers;

pemegang polisi dan/atau brokernya;

(c) third party service providers (who provide administrative, telecommunications, computer, payment, data processing or storage, or other services to the Company in connection with the operation of our business) to fulfill the Company's obligations to you;

pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan (pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, pemprosesan atau penyimpanan data atau perkhidmatan lain kepada Syarikat berkaitan dengan operasi perniagaan kami) bagi memenuhi tanggungjawab Syarikat kepada anda;

(d) insurance carriers, third-party claims adjusters, fraud detection and prevention services, reinsurance companies and insurance industry regulatory authorities;

syarikat insurans, penyelaras tuntutan pihak ketiga, perkhidmatan pengesanan dan pencegahan penipuan, syarikat insurans semula dan pihak berkuasa industri insurans;

(e) any credit reference agencies or, in the event of default, any debt collection agencies;

sebarang agensi rujukan kredit atau jika gagal membuat bayaran, sebarang agensi pemungut hutang;

(f) any insurance rating organizations that collect information about credit history, accident fault, injury description and amounts paid and share it with other insurance companies and others entitled to see it;

sebarang organisasi pengkadaran insurans yang mengumpul maklumat berkenaan sejarah kredit, kesilapan tanpa sengaja, huraian kecederaan dan amaun yang dibayar serta berkongsi maklumat tersebut dengan syarikat insurans lain dan pihak lain yang berhak melihatnya;

(g) any person, who is under a duty of confidentiality and has undertaken to keep such data confidential, which the Company has engaged to fulfill its obligations to you;

mana-mana individu yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan dan telah mengakujaji untuk mengekalkan data tersebut sebagai rahsia, seperti diamanahkan oleh Syarikat telah melantik untuk menunaikan kewajipan Syarikat kepada anda;

(h) any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of the Company's rights or business;

mana-mana penerima, penerima pindahan, peserta atau peserta bersama terhadap hak atau perniagaan Syarikat, sama ada sebenar atau dicadangkan;

(i) any person to whom the Company is under an obligation to make disclosure under the requirements of any law, rules, regulations, codes of practice or guidelines binding on the Company including, without limitation, any applicable regulators, governmental bodies, or industry recognised bodies such as the General Insurance Association of Malaysia, and where otherwise required by law; and

mana-mana individu yang mana Syarikat bertanggungjawab untuk membuat pendedahan di bawah peruntukan sebarang undang-undang, peraturan, pengatur, kod amalan atau garis panduan yang mengikat ke atas Syarikat yang termasuk dan tidak terhad kepada mana-mana badan pengawalan, badan kerajaan, atau badan yang diiktiraf oleh industri seperti Persatuan Insurans Am Malaysia dan selainnya menurut undang-undang; dan

(j) other companies in the Company's group of companies (for information, please log on to www.greateasterngeneral.com) including those located outside Malaysia.

syarikat lain yang bernaung di bawah kumpulan Syarikat (untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterngeneral.com) termasuk syarikat yang terletak di luar Malaysia.

You may access certain personal information held by the Company based on the applicable data protection laws of Malaysia. You may access your personal information at any time by calling Customer Service Care at 1 300 -1 300 88. If you have any inquiry or complaint (such as limiting the processing of certain information, including the withdrawal of consent to receive marketing information), you may contact our Customer Service Careline at 1 300 -1 300 88 or write to the Company.

Anda boleh melakukan capaian ke atas sesetengah maklumat peribadi yang dipegang Syarikat berdasarkan undang-undang perlindungan data yang boleh didapati di Malaysia. Anda boleh melakukan capaian ke atas maklumat peribadi anda pada bila-bila masa dengan menghubungi Khidmat Pelanggan di talian 1 300 -1 300 88 atau anda boleh menulis kepada Syarikat. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan (seperti mengehadkan pemprosesan sesetengah maklumat, termasuk menarik balik kebenaran untuk menerima maklumat pemasaran), anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan di talian 1 300 -1 300 88 atau anda boleh menulis kepada Syarikat.

The Company may charge a reasonable fee for access. If you can show that the personal information held by the Company is not accurate, complete and up to date, the Company will take reasonable steps to ensure it is accurate, complete and up to date upon receiving your verification/feedback.

Syarikat berhak mengenakan bayaran berpatutan untuk pemberian akses. Jika anda boleh menunjukkan bahawa maklumat peribadi yang disimpan oleh Syarikat tidak tepat, tidak lengkap dan tidak terkini, Syarikat akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan ianya tepat, lengkap dan terkini selepas menerima pengesahan/maklumbalas anda.

For more information on how the Company deals with your personal data, please log on to www.greateasterngeneral.com and read the Company's Client Charter and Privacy Policy or contact the Company's Authorized Representative for a copy.

Untuk keterangan lanjut mengenai penggunaan data peribadi anda oleh Syarikat, sila layari www.greateasterngeneral.com dan Piagam Pelanggan Syarikat dan Polisi Privasi boleh dibaca di laman web tersebut atau hubungi Wakil yang Dibenarkan bagi mendapatkan salinan.

The Company may review and update this Personal Data Protection Notice from time to time to reflect changes in the law, changes in the Company's business practices, procedures and structure, and changes in the community's privacy expectations. It is not generally feasible to notify you of changes to this Personal Data Protection Notice and as such, you can log on to www.greateasterngeneral.com to obtain the latest version of the Data Protection Notice at any time.

Syarikat boleh menyemak semula dan mengemas kini Notis Perlindungan Data ini dari semasa ke semasa disebabkan perubahan undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan, prosedur dan struktur Syarikat serta perubahan terhadap jangkaan tahap privasi oleh masyarakat. Kami mungkin tidak dapat memaklumkan anda terhadap perubahan bagi Notis Perlindungan Data ini, oleh itu, anda boleh melayari www.greateasterngeneral.com bagi mendapatkan versi terkini Notis Perlindungan Data pada bila-bila masa.

By accepting this declaration you consent to such use of your personal information including sensitive personal data.

Dengan deklarasinya ini, anda membenarkan penggunaan maklumat peribadi anda termasuk data peribadi sensitif.